



14 Oktober 2021
14 October 2021
P.U. (A) 400

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN CUKAI PENDAPATAN
(LAYANAN KHAS BAGI BANK ATAU INSTITUSI
KEWANGAN PEMBANGUNAN YANG MENERIMA PAKAI
PIAWAIAN LAPORAN KEWANGAN MALAYSIA 9:
INSTRUMEN KEWANGAN) 2021

*INCOME TAX (SPECIAL TREATMENT FOR BANK OR
DEVELOPMENT FINANCIAL INSTITUTION WHICH ADOPT
MALAYSIAN FINANCIAL REPORTING STANDARD 9:
FINANCIAL INSTRUMENTS) REGULATIONS 2021*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERATURAN-PERATURAN CUKAI PENDAPATAN (LAYANAN KHAS BAGI BANK ATAU
INSTITUSI KEWANGAN PEMBANGUNAN YANG MENERIMA PAKAI PIAWAIAN
LAPORAN KEWANGAN MALAYSIA 9: INSTRUMEN KEWANGAN) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 36(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Ketua Pengarah membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Cukai Pendapatan (Layanan Khas bagi Bank atau Institusi Kewangan Pembangunan yang Menerima Pakai Piawaian Laporan Kewangan Malaysia 9: Instrumen Kewangan) 2021**.

(2) Peraturan-Peraturan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa mulai—

(a) tahun taksiran 2018 berkenaan dengan bank atau institusi kewangan pembangunan dengan tempoh perakaunan berakhir pada 31 Disember; dan

(b) tahun taksiran 2019 berkenaan dengan bank atau institusi kewangan pembangunan dengan tempoh perakaunan berakhir pada hari selain 31 Disember.

Pemakaian

2. Peraturan-Peraturan ini terpakai kepada suatu bank atau institusi kewangan pembangunan yang menerima pakai MFRS 9 seperti yang berikut:

(a) suatu bank berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*];

- (b) suatu bank Islam berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*]; atau
- (c) suatu institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [*Akta 618*].

Tafsiran

3. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“aset kewangan” ertinya apa-apa aset yang merupakan—

- (a) wang tunai;
- (b) suatu instrumen ekuiti entiti lain;
- (c) suatu hak berkontrak—
 - (i) untuk menerima tunai atau aset kewangan lain dari entiti lain; atau
 - (ii) untuk menukar aset kewangan atau liabiliti kewangan dengan entiti lain dalam keadaan yang berpotensi menguntungkan entiti; atau
- (d) suatu kontrak yang akan atau boleh diselesaikan dalam instrumen ekuiti entiti itu sendiri dan adalah—
 - (i) bukan suatu derivatif yang mana entiti itu adalah atau boleh berkewajipan untuk menerima suatu bilangan boleh ubah instrumen ekuiti entiti itu sendiri; atau
 - (ii) suatu derivatif yang akan atau boleh diselesaikan selain daripada dengan pertukaran amaun tunai tetap atau aset kewangan lain untuk suatu bilangan tetap instrumen ekuiti entiti itu sendiri.

Bagi maksud ini, instrumen ekuiti entiti itu sendiri tidak termasuk instrumen kewangan boleh dijual yang diklasifikasikan sebagai instrumen ekuiti mengikut perenggan 16A dan 16B MFRS 132, instrumen yang mengenakan kewajipan ke atas entiti untuk menyerahkan kepada pihak lain bahagian pro rata aset bersih entiti yang hanya dalam penyelesaian dan diklasifikasikan sebagai instrumen ekuiti mengikut perenggan 16C dan 16D MFRS 132, atau instrumen yang merupakan kontrak untuk penerimaan atau penyerahan instrumen ekuiti entiti itu sendiri di masa depan;

“instrumen ekuiti” ertinya apa-apa kontrak yang membuktikan faedah sisa dalam aset entiti selepas menolak semua liabilitinya;

“instrumen kewangan” ertinya apa-apa kontrak yang mewujudkan suatu aset kewangan suatu entiti dan suatu liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti entiti lain;

“kadar faedah berkesan” ertinya kadar yang tepat diunjurkan bagi anggaran bayaran atau penerimaan tunai masa depan melalui jangkaan hayat aset kewangan atau liabiliti kewangan kepada amaun kasar yang dibawa suatu aset kewangan atau kos terlunas suatu liabiliti kewangan;

“kerugian rosotnilai” ertinya kerugian yang diiktiraf dalam untung atau rugi mengikut perenggan 5.5.8 MFRS 9 dan yang timbul daripada pemakaian kehendak rosotnilai dalam seksyen 5.5 MFRS 9;

“liabiliti kewangan” ertinya apa-apa liabiliti yang merupakan—

(a) suatu kewajipan berkontrak—

(i) untuk menyerahkan tunai atau aset kewangan lain kepada entiti lain; atau

- (ii) untuk menukar aset kewangan atau liabiliti kewangan dengan entiti lain dalam keadaan yang berpotensi tidak menguntungkan entiti; atau
- (b) suatu kontrak yang akan atau boleh diselesaikan dalam instrumen ekuiti entiti itu sendiri dan adalah—
- (i) bukan suatu derivatif yang entiti itu adalah atau boleh berkewajipan untuk menyerah bilangan boleh ubah instrumen ekuiti entiti itu sendiri; atau
 - (ii) suatu derivatif yang akan atau boleh diselesaikan selain daripada dengan pertukaran amaun tunai tetap atau aset kewangan lain untuk suatu bilangan tetap instrumen ekuiti entiti itu sendiri. Bagi maksud ini, hak, opsiyen atau waran untuk memperoleh bilangan tetap instrumen ekuiti entiti itu sendiri untuk amaun tetap apa-apa mata wang adalah instrumen ekuiti jika entiti tersebut menawarkan hak, opsiyen atau waran secara pro rata kepada semua pemilik sedia ada daripada kelas yang sama dengan instrumen ekuiti bukan derivatifnya sendiri. Bagi maksud ini juga, instrumen ekuiti entiti itu sendiri tidak termasuk instrumen kewangan boleh dijual yang diklasifikasikan sebagai instrumen ekuiti mengikut perenggan 16A dan 16B MFRS 132, instrumen yang mengenakan kewajipan ke atas entiti untuk menyerahkan kepada pihak lain bahagian pro rata aset bersih entiti yang hanya dalam penyelesaian dan diklasifikasikan sebagai instrumen ekuiti mengikut perenggan 16C dan 16D MFRS 132, atau instrumen yang merupakan kontrak untuk penerimaan atau penyerahan instrumen ekuiti entiti itu sendiri di masa depan. Sebagai pengecualian, instrumen yang memenuhi definisi liabiliti kewangan adalah diklasifikasikan sebagai instrumen ekuiti jika ia mempunyai semua ciri dan memenuhi syarat dalam perenggan 16A dan 16B atau perenggan 16C dan 16D MFRS 132;

“MFRS 9” ertinya Piawaian Laporan Kewangan Malaysia 9 (Instrumen Kewangan) yang dibuat di bawah perenggan 7(1A)(a) Akta Laporan Kewangan 1997 [Akta 558];

“MFRS 132” ertinya Piawaian Laporan Kewangan Malaysia 132 (Instrumen Kewangan: Pembentangan) yang dibuat di bawah perenggan 7(1A)(a) Akta Laporan Kewangan 1997;

“nilai saksama” ertinya harga yang akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran;

“penyahiktirafan” ertinya penyingkiran aset kewangan atau liabiliti kewangan yang diiktiraf sebelumnya daripada penyata kedudukan kewangan entiti;

“risiko kredit” ertinya risiko yang satu pihak kepada instrumen kewangan akan menyebabkan kerugian kewangan bagi pihak lain apabila gagal untuk melaksanakan obligasi;

“tahun taksiran permulaan” berhubung dengan suatu bank atau institusi kewangan pembangunan, ertinya tahun taksiran bagi tempoh asas yang dalamnya tarikh permulaan pemakaian bank atau institusi kewangan pembangunan itu jatuh;

“tarikh permulaan pemakaian” ertinya hari pertama suatu tempoh asas yang dalamnya suatu bank atau institusi kewangan pembangunan menyediakan atau menyenggara akaun kewangannya.

Pendapatan kasar

4. Dalam menentukan pendapatan kasar suatu bank atau institusi kewangan pembangunan daripada perniagaannya dalam suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran berkenaan dengan suatu instrumen kewangan—

- (a) dalam hal suatu aset kewangan—
- (i) apa-apa laba berkenaan dengan klasifikasi semula suatu aset kewangan yang diukur pada kos terlunas yang diiktiraf dalam untung atau rugi pada akaun hasil;
 - (ii) apa-apa laba, sama ada laba itu direalisasi atau tidak, berkenaan dengan suatu aset kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi yang diiktiraf dalam untung atau rugi pada akaun hasil;
 - (iii) apa-apa laba berkenaan dengan penyahiktirafan suatu aset kewangan yang diukur pada kos terlunas yang diiktiraf dalam untung atau rugi pada akaun hasil;
 - (iv) apa-apa laba berkenaan dengan penyahiktirafan suatu aset kewangan yang merupakan suatu instrumen ekuiti yang diukur pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain yang sebelum itu diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain, yang diiktiraf dalam perolehan tertahan pada akaun hasil;
 - (v) apa-apa laba berkenaan dengan penyahiktirafan suatu aset kewangan yang merupakan suatu instrumen hutang yang diukur pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain yang sebelum itu diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain, yang diiktiraf dalam untung atau rugi pada akaun hasil; atau
 - (vi) apa-apa amaun pendapatan faedah atau pendapatan kewangan berkenaan dengan suatu aset kewangan yang dikira pada kadar faedah berkesan yang diiktiraf dalam untung atau rugi pada akaun hasil;

- (b) dalam hal suatu liabiliti kewangan—
- (i) apa-apa laba, sama ada laba itu direalisasi atau tidak, berkenaan dengan suatu liabiliti kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi yang diiktiraf dalam untung atau rugi pada akaun hasil; atau
 - (ii) apa-apa laba berkenaan dengan penyahiktirafan suatu liabiliti kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi yang berbangkit daripada perubahan dalam risiko kredit liabiliti kewangan yang sebelum itu diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain, yang diiktiraf dalam perolehan tertahan pada akaun hasil,

hendaklah dikira sebagai pendapatan kasar bank atau institusi kewangan pembangunan itu daripada perniagaan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu.

Pendapatan larasan

5. Dalam menentukan pendapatan larasan suatu bank atau institusi kewangan pembangunan daripada perniagaannya dalam suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran berkenaan dengan suatu instrumen kewangan—

- (a) dalam hal suatu aset kewangan—
- (i) apa-apa kerugian berkenaan dengan klasifikasi semula suatu aset kewangan yang diukur pada kos terlunas yang diiktiraf dalam untung atau rugi pada akaun hasil;
 - (ii) apa-apa kerugian, sama ada kerugian itu direalisasi atau tidak, berkenaan dengan suatu aset kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi yang diiktiraf dalam untung atau rugi pada akaun hasil;

- (iii) apa-apa kerugian berkenaan dengan penyahiktirafan suatu aset kewangan yang diukur pada kos terlunas yang diiktiraf dalam untung atau rugi pada akaun hasil;
 - (iv) apa-apa kerugian berkenaan dengan penyahiktirafan suatu aset kewangan yang merupakan suatu instrumen ekuiti yang diukur pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain yang sebelum itu diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain, yang diiktiraf dalam perolehan tertahan pada akaun hasil; atau
 - (v) apa-apa kerugian berkenaan dengan penyahiktirafan suatu aset kewangan yang merupakan suatu instrumen hutang yang diukur pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain yang sebelum itu diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain, yang diiktiraf dalam untung atau rugi pada akaun hasil;
- (b) dalam hal suatu liabiliti kewangan—
- (i) apa-apa kerugian, sama ada kerugian itu direalisasi atau tidak, berkenaan dengan suatu liabiliti kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi yang diiktiraf dalam untung atau rugi pada akaun hasil;
 - (ii) apa-apa kerugian berkenaan dengan penyahiktirafan suatu liabiliti kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi yang berbangkit daripada perubahan dalam risiko kredit liabiliti kewangan yang sebelum itu diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain, yang diiktiraf dalam perolehan tertahan pada akaun hasil; atau
 - (iii) apa-apa amaun perbelanjaan faedah atau perbelanjaan kewangan berkenaan dengan suatu liabiliti kewangan yang diukur pada kos terlunas yang dikira pada kadar faedah berkesan yang diiktiraf dalam untung atau rugi pada akaun hasil,

hendaklah dibenarkan sebagai suatu potongan dalam menentukan pendapatan larasan bank atau institusi kewangan pembangunan itu daripada perniagaan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu.

Layanan cukai bagi aset kewangan pada akaun modal

6. (1) Apa-apa laba atau kerugian berkenaan dengan suatu aset kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi yang diiktiraf dalam untung atau rugi pada akaun modal tidak akan dicukai atau tidak dibenarkan sebagai suatu potongan dan pelarasan cukai hendaklah dibuat.

(2) Apa-apa laba atau kerugian daripada pendapatan komprehensif lain apabila penyahiktirafan aset kewangan yang merupakan suatu instrumen hutang yang diukur pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain yang dipindah ke untung atau rugi pada akaun modal tidak akan dicukai atau tidak dibenarkan sebagai suatu potongan dan pelarasan cukai hendaklah dibuat.

Layanan cukai bagi kerugian rosotnilai aset kewangan

7. (1) Jika dalam suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran suatu bank atau institusi kewangan pembangunan mengiktiraf kerugian rosotnilai suatu aset kewangan berdasarkan kepada kerugian kredit dijangka dalam untung atau rugi pada akaun hasil—

- (a) dalam hal kerugian kredit dijangka di bawah Peringkat 1, kerugian rosotnilai itu tidak boleh dibenarkan suatu potongan;
- (b) dalam hal kerugian kredit dijangka di bawah Peringkat 2, kerugian rosotnilai itu hendaklah dibenarkan lima puluh peratus potongan; atau
- (c) dalam hal kerugian kredit dijangka di bawah Peringkat 3, kerugian rosotnilai itu hendaklah dibenarkan seratus peratus potongan,

dalam menentukan pendapatan larasan bank atau institusi kewangan pembangunan itu daripada perniagaan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu.

(2) Bagi maksud peraturan ini—

“kerugian kredit dijangka” ertinya purata wajaran kerugian kredit dengan risiko berlaku kemungkiran masing-masing sebagai pemberat;

“kerugian kredit dijangka di bawah Peringkat 1” ertinya jika risiko kredit pada suatu instrumen kewangan tidak meningkat secara signifikan sejak permulaan pengiktirafan risiko kredit atau jika instrumen kewangan itu ditentukan mempunyai risiko kredit yang rendah pada tarikh pelaporan, elauun kerugian bagi instrumen kewangan itu hendaklah diukur pada suatu amaun bersamaan dengan dua belas bulan kerugian kredit dijangka;

“kerugian kredit dijangka di bawah Peringkat 2” ertinya jika risiko kredit pada suatu instrumen kewangan telah meningkat secara signifikan sejak permulaan pengiktirafan risiko kredit sebelum aset kewangan itu menjadi kredit terjejas pada tarikh pelaporan, elauun kerugian bagi instrumen kewangan itu hendaklah diukur pada suatu amaun bersamaan dengan kerugian kredit dijangka sepanjang hayat;

“kerugian kredit dijangka di bawah Peringkat 3” ertinya jika risiko kredit pada suatu instrumen kewangan telah meningkat secara signifikan sejak permulaan pengiktirafan risiko kredit atau risiko berlaku kemungkiran dan aset kewangan itu menjadi kredit terjejas pada tarikh pelaporan, elauun kerugian bagi instrumen kewangan itu hendaklah diukur pada suatu amaun bersamaan dengan kerugian kredit dijangka sepanjang hayat.

Layanan cukai bagi penarikbalikan kerugian rosotnilai aset kewangan

8. (1) Jika dalam suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, suatu bank atau institusi kewangan pembangunan mengiktiraf suatu keuntungan yang merupakan suatu penarikbalikan kerugian rosotnilai suatu aset kewangan dalam untung atau rugi yang kerugian rosotnilai itu telah dibenarkan sebagai suatu potongan terhadap pendapatan

larasan bank atau institusi kewangan pembangunan itu, amaun keuntungan itu hendaklah dikira sebagai pendapatan kasar bank atau institusi kewangan pembangunan itu bagi tahun taksiran itu terhadap kepada amaun kerugian rosotnilai yang telah dibenarkan sebagai suatu potongan.

(2) Amaun yang dibenarkan sebagai suatu potongan di bawah subperaturan (1) hendaklah mengambil kira syarat amaun penarikbalikan kerugian rosotnilai di bawah subperaturan 13(3) telah dituntut sepenuhnya oleh bank atau institusi kewangan pembangunan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu.

Layanan cukai bagi kos urus niaga

9. (1) Jika dalam suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran suatu bank atau institusi kewangan pembangunan mengiktiraf dalam untung atau rugi pada akaun hasil apa-apa kos urus niaga berkenaan dengan suatu instrumen kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi, kos itu hendaklah dibenarkan sebagai suatu potongan dalam menentukan pendapatan larasan bank atau institusi kewangan pembangunan itu daripada perniagaan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu.

(2) Jika dalam suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran bank atau institusi kewangan pembangunan itu mengiktiraf dalam untung atau rugi pada akaun hasil apa-apa kos urus niaga yang terlunas dan menjadi sebahagian daripada pendapatan faedah atau pendapatan kewangan yang dikira pada kadar faedah berkesan berkenaan dengan suatu instrumen kewangan yang diukur pada kos terlunas atau pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain, gabungan pendapatan faedah atau pendapatan kewangan itu hendaklah dikira sebagai pendapatan kasar bank atau institusi kewangan pembangunan itu daripada perniagaan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu.

(3) Jika dalam suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran bank atau institusi kewangan pembangunan itu mengiktiraf dalam untung atau rugi pada akaun hasil apa-apa kos urus niaga yang terlunas dan menjadi sebahagian daripada perbelanjaan faedah atau perbelanjaan kewangan yang dikira pada kadar faedah berkesan berkenaan dengan suatu instrumen kewangan yang diukur pada kos terlunas atau pada nilai

saksama melalui pendapatan komprehensif lain, gabungan perbelanjaan faedah atau perbelanjaan kewangan itu hendaklah dibenarkan sebagai suatu potongan dalam menentukan pendapatan larasan bank atau institusi kewangan pembangunan itu daripada perniagaan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu.

(4) Bagi maksud peraturan ini, “kos urus niaga” ertinya kos tambahan yang boleh dikaitkan secara langsung kepada pemerolehan, terbitan atau pelupusan suatu aset kewangan atau liabiliti kewangan yang termasuk yuran dan komisen yang dibayar kepada ejen (termasuk pekerja yang bertindak sebagai ejen jualan), penasihat, broker dan peniaga, levi oleh agensi penyeliaan dan pertukaran sekuriti, dan pemindahan cukai dan duti, tetapi tidak termasuk hutang premium atau diskaun, kos pembiayaan atau kos pentadbiran dalaman atau pemegangan.

Layanan cukai bagi laba atau kerugian berkenaan dengan instrumen perlindungan nilai

10. (1) Jika dalam suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran suatu bank atau institusi kewangan pembangunan mengiktiraf dalam untung atau rugi apa-apa laba atau kerugian yang tidak direalisasi berkenaan dengan aset sandaran atau liabiliti instrumen perlindungan nilai pada akaun hasil—

(a) laba berkenaan dengan aset sandaran atau liabiliti instrumen perlindungan nilai itu hendaklah dikira sebagai pendapatan kasar bank atau institusi kewangan pembangunan itu; dan

(b) kerugian berkenaan dengan aset sandaran atau liabiliti instrumen perlindungan nilai itu hendaklah dibenarkan sebagai suatu potongan dalam menentukan pendapatan larasan bank atau institusi kewangan pembangunan itu,

daripada perniagaan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu.

(2) Peraturan ini tidak terpakai kepada apa-apa laba atau kerugian yang tidak direalisasi berkenaan dengan—

(a) aset sandaran atau liabiliti instrumen perlindungan nilai yang diiktiraf dalam untung atau rugi pada akaun modal; atau

(b) perubahan nilai saksama instrumen perlindungan nilai yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain,

yang laba atau kerugian itu tidak akan dicukai atau tidak dibenarkan sebagai suatu potongan.

Layanan cukai bagi laba atau kerugian berkenaan dengan instrumen kewangan yang berbangkit daripada urus niaga tukaran asing

11. Jika dalam suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran suatu bank atau institusi kewangan pembangunan mengiktiraf dalam untung atau rugi pada akaun hasil apa-apa laba atau kerugian, sama ada laba atau kerugian itu direalisasi atau tidak, berkenaan dengan suatu instrumen kewangan yang berbangkit daripada urus niaga tukaran asing—

(a) laba yang berbangkit daripada urus niaga tukaran asing itu hendaklah dikira sebagai pendapatan kasar bank atau institusi kewangan pembangunan itu; dan

(b) kerugian yang berbangkit daripada urus niaga tukaran asing itu hendaklah dibenarkan sebagai suatu potongan dalam menentukan pendapatan larasan bank atau institusi kewangan pembangunan itu,

daripada perniagaan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu.

Menyenggara rekod berasingan

12. Bagi maksud menentukan pendapatan suatu bank atau institusi kewangan pembangunan, bank atau institusi kewangan pembangunan itu hendaklah bagi setiap tahun taksiran, menyenggara rekod berasingan berkenaan dengan—

- (a) butir-butir aset kewangan yang diukur pada kos terlunas;
- (b) pergerakan aset kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain;
- (c) kerugian rosotnilai yang dibenarkan sebagai suatu potongan dan amaun penarikbalikan dikira sebagai pendapatan kasar yang berhubungan dengan kerugian rosotnilai dari tarikh permulaan pemakaian; dan
- (d) apa-apa rekod lain sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Peruntukan peralihan

13. (1) Jika suatu bank atau institusi kewangan pembangunan didapati mempunyai kenaikan dalam kerugian rosotnilai yang berbangkit daripada pelarasan yang dibuat dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran sebaik sebelum tahun taksiran permulaan, amaun kenaikan dalam kerugian rosotnilai itu hendaklah dibenarkan sebagai suatu potongan dalam menentukan pendapatan larasan bank atau institusi kewangan pembangunan itu bagi tahun taksiran permulaan.

(2) Jika bank atau institusi kewangan pembangunan itu didapati mempunyai suatu penurunan dalam kerugian rosotnilai yang berbangkit daripada pelarasan yang dibuat dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran sebaik sebelum tahun taksiran permulaan, amaun penurunan dalam kerugian rosotnilai itu hendaklah dikira sebagai pendapatan kasar bank atau institusi kewangan pembangunan itu bagi tahun taksiran permulaan.

(3) Jika penarikbalikan dibuat kepada kerugian rosotnilai yang sebelum itu dibenarkan sebagai suatu potongan di bawah subperaturan (1), amaun penarikbalikan

sehingga baki mula yang dinyatakan semula pada tarikh permulaan pemakaian hendaklah dikira sebagai pendapatan kasar bank atau institusi kewangan pembangunan itu bagi tahun taksiran penarikbalikan itu.

Dibuat 14 Oktober 2021

[MOF.TAX(S) 700-2/1/57 JLD. 2; LHDN.AY.A.600 12/1/7(29) -104; PN(PU2)80/JLD.102]

DATO' SRI DR. SABIN @ SAPILIN BIN SAMITAH
Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (SPECIAL TREATMENT FOR BANK OR DEVELOPMENT FINANCIAL INSTITUTION WHICH ADOPT MALAYSIAN FINANCIAL REPORTING STANDARD 9: FINANCIAL INSTRUMENTS) REGULATIONS 2021

IN exercise of the powers conferred by subsection 36(1) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Director General makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Income Tax (Special Treatment for Bank or Development Financial Institution which Adopt Malaysian Financial Reporting Standard 9: Financial Instruments) Regulations 2021**.

(2) These Regulations are deemed to have effect from—

(a) the year of assessment 2018 in respect of a bank or development financial institution with accounting period ending on 31 December; and

(b) the year of assessment 2019 in respect of a bank or development financial institution with accounting period ending on a day other than 31 December.

Application

2. These Regulations apply to a bank or development financial institution which adopt MFRS 9 as follows:

(a) a licensed bank under the Financial Services Act 2013 [Act 758];

(b) a licensed Islamic bank under the Islamic Financial Services Act 2013 [Act 759]; or

- (c) a development financial institution prescribed under the Development Financial Institutions Act 2002 [*Act 618*].

Interpretation

3. In these Regulations—

“financial asset” means any asset that is—

- (a) cash;
- (b) an equity instrument of another entity;
- (c) a contractual right—
- (i) to receive cash or another financial asset from another entity; or
 - (ii) to exchange financial assets or financial liabilities with another entity under conditions that are potentially favourable to the entity; or
- (d) a contract that will or may be settled in the entity’s own equity instruments and is—
- (i) a non-derivative for which the entity is or may be obliged to receive a variable number of the entity’s own equity instruments; or
 - (ii) a derivative that will or may be settled other than by the exchange of a fixed amount of cash or another financial asset for a fixed number of the entity’s own equity instruments. For this purpose, the entity’s own equity instruments do not include puttable financial instruments classified as equity instruments in accordance with paragraphs 16A and 16B of MFRS 132, instruments that impose

on the entity an obligation to deliver to another party a pro rata share of the net assets of the entity only on liquidation and are classified as equity instruments in accordance with paragraphs 16C and 16D of MFRS 132, or instruments that are contracts for the future receipt or delivery of the entity's own equity instruments;

“equity instrument” means any contract that evidences a residual interest in the assets of an entity after deducting all of its liabilities;

“financial instrument” means any contract that gives rise to a financial asset of one entity and a financial liability or equity instrument of another entity;

“effective interest rate” means the rate that exactly discounts estimated future cash payments or receipts through the expected life of the financial asset or financial liability to the gross carrying amount of a financial asset or to the amortised cost of a financial liability;

“impairment loss” means losses that are recognised in profit or loss in accordance with paragraph 5.5.8 of MFRS 9 and that arise from applying the impairment requirements in section 5.5 of MFRS 9;

“financial liability” means any liability that is—

(a) a contractual obligation—

- (i) to deliver cash or another financial asset to another entity; or
- (ii) to exchange financial assets or financial liabilities with another entity under conditions that are potentially unfavourable to the entity; or

- (b) a contract that will or may be settled in the entity's own equity instruments and is—
- (i) a non-derivative for which the entity is or may be obliged to deliver a variable number of the entity's own equity instruments; or
 - (ii) a derivative that will or may be settled other than by the exchange of a fixed amount of cash or another financial asset for a fixed number of the entity's own equity instruments. For this purpose, rights, options or warrants to acquire a fixed number of the entity's own equity instruments for a fixed amount of any currency are equity instruments if the entity offers the rights, options or warrants pro rata to all of its existing owners of the same class of its own non derivative equity instruments. Also for these purposes, the entity's own equity instruments do not include puttable financial instruments that are classified as equity instruments in accordance with paragraphs 16A and 16B of MFRS 132, instruments that impose on the entity an obligation to deliver to another party a pro rata share of the net assets of the entity only on liquidation and are classified as equity instruments in accordance with paragraphs 16C and 16D of MFRS 132, or instruments that are contracts for the future receipt or delivery of the entity's own equity instruments. As an exception, an instrument that meets the definition of a financial liability is classified as an equity instrument if it has all the features and meets the conditions in paragraphs 16A and 16B or paragraphs 16C and 16D of MFRS 132;

“MFRS 9” means the Malaysian Financial Reporting Standard 9 (Financial Instruments) that is made under paragraph 7(1A)(a) of the Financial Reporting Act 1997 [Act 558];

“MFRS 132” means the Malaysian Financial Reporting Standard 132 (Financial Instruments: Presentation) that is made under paragraph 7(1A)(a) of the Financial Reporting Act 1997;

“fair value” means the price that would be received to sell an asset or paid to transfer a liability in an orderly transaction between market participants at the measurement date;

“derecognition” means the removal of a previously recognised financial asset or financial liability from an entity’s statement of financial position;

“credit risk” means the risk that one party to a financial instrument will cause a financial loss for the other party by failing to discharge an obligation;

“initial year of assessment” in relation to a bank or development financial institution, means the year of assessment for the basis period in which the bank or development financial institution’s date of initial application falls;

“date of initial application” means the first day of a basis period in which a bank or development financial institution prepares or maintains its financial accounts.

Gross income

4. In ascertaining the gross income of a bank or development financial institution from his business in a basis period for a year of assessment in respect of a financial instrument—

(a) in the case of a financial asset—

(i) any gain in respect of reclassification of a financial asset measured at amortised cost recognized in the profit or loss on the revenue account;

- (ii) any gain, whether such gain is realized or not, in respect of a financial asset measured at fair value through profit or loss recognized in the profit or loss on the revenue account;
 - (iii) any gain in respect of derecognition of a financial asset measured at amortised cost recognized in the profit or loss on the revenue account;
 - (iv) any gain in respect of derecognition of a financial asset which is an equity instrument measured at fair value through other comprehensive income that was previously recognized in other comprehensive income, recognized in the retained earnings on the revenue account;
 - (v) any gain in respect of derecognition of a financial asset which is a debt instrument measured at fair value through other comprehensive income that was previously recognized in other comprehensive income, recognized in the profit or loss on the revenue account; or
 - (vi) any amount of interest income or finance income in respect of a financial asset computed at the effective interest rate recognized in the profit or loss on the revenue account;
- (b) in the case of a financial liability—
- (i) any gain, whether such gain is realized or not, in respect of a financial liability measured at fair value through profit or loss recognized in the profit or loss on the revenue account; or
 - (ii) any gain in respect of derecognition of a financial liability measured at fair value through profit or loss arising from changes in the financial liability's credit risk that was previously recognized in

other comprehensive income, recognized in the retained earnings on the revenue account,

shall be treated as gross income of the bank or development financial institution from the business in the basis period for that year of assessment.

Adjusted income

5. In ascertaining the adjusted income of a bank or development financial institution from his business in a basis period for a year of assessment in respect of a financial instrument—

(a) in the case of a financial asset—

- (i) any loss in respect of reclassification of a financial asset measured at amortised cost recognized in the profit or loss on the revenue account;
- (ii) any loss, whether such loss is realized or not, in respect of a financial asset measured at fair value through profit or loss recognized in the profit or loss on the revenue account;
- (iii) any loss in respect of derecognition of a financial asset measured at amortised cost recognized in the profit or loss on the revenue account;
- (iv) any loss in respect of derecognition of a financial asset which is an equity instrument measured at fair value through other comprehensive income that was previously recognized in other comprehensive income, recognized in the retained earnings on the revenue account; or
- (v) any loss in respect of derecognition of a financial asset which is a debt instrument measured at fair value through other comprehensive income that was previously recognized in other

comprehensive income, recognized in the profit or loss on the revenue account;

(b) in the case of a financial liability—

- (i) any loss, whether such loss is realized or not, in respect of a financial liability measured at fair value through profit or loss recognized in the profit or loss on the revenue account;
- (ii) any loss in respect of derecognition of a financial liability measured at fair value through profit or loss arising from changes in the financial liability's credit risk that was previously recognized in other comprehensive income, recognized in the retained earnings on the revenue account; or
- (iii) any amount of interest expense or finance expense in respect of a financial liability measured at amortised cost computed at the effective interest rate recognized in the profit or loss on the revenue account,

shall be allowed as a deduction in ascertaining the adjusted income of the bank or development financial institution from the business in the basis period for that year of assessment.

Tax treatment for financial assets on capital account

6. (1) Any gains or losses in respect of a financial asset measured at fair value through profit or loss recognized in the profit or loss on the capital account will not be taxed or will not be allowed as a deduction and tax adjustment shall be made.

(2) Any gains or losses from other comprehensive income upon derecognition of the financial assets which is a debt instrument measured at fair value through other comprehensive income transferred to profit or loss on the capital account will not be taxed or will not be allowed as a deduction and tax adjustment shall be made.

Tax treatment for impairment loss of financial assets

7. (1) Where in a basis period for a year of assessment a bank or development financial institution recognizes an impairment loss of a financial asset based on expected credit loss in the profit or loss on the revenue account—

(a) in the case of expected credit loss under Stage 1, such impairment loss shall not be allowed a deduction;

(b) in the case of expected credit loss under Stage 2, such impairment loss shall be allowed fifty per cent deduction; or

(c) in the case of expected credit loss under Stage 3, such impairment loss shall be allowed one hundred per cent deduction,

in determining the adjusted income of the bank or development financial institution from the business in the basis period for that year of assessment.

(2) For the purposes of this regulation—

“expected credit loss” means the weighted average of credit losses with the respective risks of a default occurring as the weights;

“expected credit loss under Stage 1” means where the credit risk on a financial instrument has not increased significantly since initial recognition of the credit risk or if the financial instrument is determined to have low credit risk at the reporting date, the loss allowance for that financial instrument shall be measured at an amount equal to twelve months expected credit loss;

“expected credit loss under Stage 2” means where the credit risk on a financial instrument has increased significantly since initial recognition of the credit risk before the financial asset becomes credit-impaired at the reporting date, the loss allowance for that financial instrument shall be measured at an amount equal to lifetime expected credit loss;

“expected credit loss under Stage 3” means where the credit risk on a financial instrument has increased significantly since initial recognition of the credit risk or risk of a default occurring and the financial asset is credit-impaired at the reporting date, the loss allowance for that financial instrument shall be measured at an amount equal to lifetime expected credit loss.

Tax treatment for reversal of impairment loss of financial assets

8. (1) Where in a basis period for a year of assessment, a bank or development financial institution recognizes a profit that is a reversal of an impairment loss of a financial asset in the profit or loss of which such impairment loss was previously allowed as a deduction against the bank or development financial institution’s adjusted income, the amount of such profit shall be treated as gross income of the bank or development financial institution for that year of assessment limited to the amount of the impairment loss that was so allowed as a deduction.

(2) The amount allowed as a deduction under subregulation (1) shall take into account the condition that the reversal amount of the impairment loss under subregulation 13(3) is fully recovered by the bank or development financial institution in the basis period for that year of assessment.

Tax treatment for transaction costs

9. (1) Where in a basis period for a year of assessment a bank or development financial institution recognizes in the profit or loss on the revenue account any transaction costs in respect of a financial instrument measured at fair value through profit or loss, such costs shall be allowed as a deduction in ascertaining at the adjusted income of the bank or development financial institution from the business in the basis period for that year of assessment.

(2) Where in a basis period for a year of assessment the bank or development financial institution recognizes in the profit or loss on the revenue account any transaction costs which are amortised and become part of the interest income or finance income computed at the effective interest rate in respect of a financial instrument measured at amortised cost or fair value through other comprehensive income,

such combined interest income or finance income shall be treated as gross income of the bank or development financial institution from the business in the basis period for that year of assessment.

(3) Where in a basis period for a year of assessment the bank or development financial institution recognizes in the profit or loss on the revenue account any transaction costs which are amortised and become part of the interest expense or finance expense computed at the effective interest rate in respect of a financial instrument measured at amortised cost or fair value through other comprehensive income, such combined interest expense or finance expense shall be allowed as a deduction in ascertaining the adjusted income of the bank or development financial institution from the business in the basis period for that year of assessment.

(4) For the purpose of this regulation, “transaction costs” means incremental costs that are directly attributable to the acquisition, issue or disposal of a financial asset or financial liability which include fees and commission paid to agents (including employees acting as selling agents), advisers, brokers and dealers, levies by regulatory agencies and security exchanges, and transfer taxes and duties, but do not include debt premiums or discounts, financing costs or internal administrative or holding costs.

Tax treatment for gain or loss in respect of hedging instrument

10. (1) Where in a basis period for a year of assessment a bank or development financial institution recognizes in the profit or loss any gain or loss which is not realized in respect of the underlying asset or liability of the hedging instrument on the revenue account—

(a) such gain in respect of the underlying asset or liability of the hedging instrument shall be treated as gross income of the bank or development financial institution; and

(b) such loss in respect of the underlying asset or liability of the hedging instrument shall be allowed as a deduction in ascertaining

the adjusted income of the bank or development financial institution,

from the business in the basis period for that year of assessment.

(2) This regulation shall not apply to any gain or loss which is not realized in respect of—

- (a) the underlying asset or liability of the hedging instrument recognized in the profit or loss on the capital account; or
- (b) the fair value changes of the hedging instrument recognized in other comprehensive income,

of which such gain or loss will not be taxed or will not be allowed as a deduction.

Tax treatment for gain or loss in respect of financial instrument arising from foreign exchange transactions

11. Where in a basis period for a year of assessment a bank or development financial institution recognizes in the profit or loss on the revenue account any gain or loss, whether such gain or loss is realized or not, in respect of a financial instrument arising from foreign exchange transactions—

- (a) such gain arising from foreign exchange transactions shall be treated as gross income of the bank or development financial institution; and
- (b) such loss arising from foreign exchange transactions shall be allowed as a deduction in ascertaining the adjusted income of the bank or development financial institution,

from the business in the basis period for that year of assessment.

Maintaining separate records

12. For the purpose of ascertaining the income of a bank or development financial institution, the bank or development financial institution shall for each year of assessment, maintain separate records in respect of—

- (a) particulars of financial assets measured at amortised cost;
- (b) movement of financial assets measured at fair value through other comprehensive income;
- (c) the impairment losses which was allowed as a deduction and the reversal amount treated as gross income relating to such impairment losses from the date of initial application; and
- (d) any other records as may be specified by the Director General.

Transitional provision

13. (1) Where a bank or development financial institution is ascertained to have an increase in impairment loss arising from an adjustment made in the basis period for a year of assessment immediately preceding the initial year of assessment, the amount of such increase in impairment loss shall be allowed as a deduction in ascertaining adjusted income of the bank or development financial institution for the initial year of assessment.

(2) Where the bank or development financial institution is ascertained to have a decrease in impairment loss arising from an adjustment made in the basis period for a year of assessment immediately preceding the initial year of assessment, the amount of such decrease in impairment loss shall be treated as gross income of the bank or development financial institution for the initial year of assessment.

(3) Where a reversal is made to the impairment loss previously allowed as a deduction under subregulation (1), the reversal amount up to the restated opening

balance at the date of initial application shall be treated as gross income of the bank or development financial institution for the year of assessment of the reversal.

Made 14 October 2021

[MOF.TAX(S) 700-2/1/57 JLD. 2; LHDN.AY.A.600 12/1/7(29) -104; PN(PU2)80/JLD.102]

DATO' SRI DR. SABIN @ SAPILIN BIN SAMITAH
Director General of Inland Revenue